

**SKM Sasar Wujud Koperasi Pemborongan Di Setiap Parlimen Di Sabah  
Bernama  
30 Januari, 2012**

SANDAKAN, 30 Jan (Bernama) -- Suruhjaya Koperasi Malaysia (SKM) Sabah menyasarkan untuk mewujudkan sebuah koperasi pemborongan barang runcit di setiap kawasan Parlimen di negeri ini melalui pelaksanaan Program Pemborongan dan Peruncitan.

Pengarahnya Saiful Bahri Omar berkata koperasi itu akan bertindak sebagai pemborong barang-barang kepada koperasi yang menjalankan perniagaan runcit.

Katanya sejak program itu dimulakan pada 2009, tiga koperasi pemborongan telah diwujudkan, masing-masing di parlimen Kota Kinabalu, Keningau dan Tawau, yang membekalkan barangan runcit kepada 70 koperasi yang menjalankan perniagaan kedai runcit.

"Program ini berjaya dan memberi kebaikan kepada anggota koperasi serta masyarakat setempat, terutama di kawasan luar bandar, dalam mendapatkan bekalan barangan runcit pada harga yang murah," katanya kepada Bernama di sini.

Saiful Bahri berkata program tersebut merupakan antara usaha pihaknya untuk membantu koperasi yang ada di negeri ini, terutama memberi pulangan dan kebaikan kepada anggota koperasi dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Beliau berkata pada masa sekarang terdapat 844 koperasi di negeri ini yang terlibat dalam pelbagai aktiviti, dengan keanggotaan mencecah 300,000 orang.

Katanya aset keseluruhan koperasi tersebut berjumlah RM430 juta dengan nilai saham serta yuran berjumlah RM70 juta dan memberi pulangan kepada perniagaan koperasi berjumlah RM293 juta.

"Ini memberi gambaran bahawa gerakan koperasi di negeri ini telah meningkat dengan begitu mendadak sekali," katanya.

Menurut Saiful Bahri antara aktiviti yang banyak diceburi oleh koperasi tersebut ialah pinjaman, pembangunan tanah untuk aktiviti pertanian dan peruncitan.

Mengenai koperasi yang tidak aktif, beliau berkata terdapat tujuh koperasi dibubarkan di negeri ini tahun lepas disebabkan tidak aktif menjalankan aktiviti dan anggotanya tidak dapat dikesan.

Katanya pembubaran sesebuah koperasi hanya dilakukan setelah inisiatif SKM membantu koperasi yang bermasalah itu masih gagal membantu mereka.

Beliau berkata SKM menggalakkan koperasi di negeri ini merebut bantuan yang disediakan seperti penyediaan geran hingga RM30,000 dan pinjaman sehingga RM50,000 tanpa cagaran, manakala jika mempunyai cagaran, pinjaman sehingga RM10 juta.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642850>